

# BEPROGEL TOPICAL SOLUTION

Betamethasone Dipropionate (0.064% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION
2. Bagaimana BEPROGEL TOPICAL SOLUTION berfungsi
3. Sebelum menggunakan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION
4. Cara menggunakan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION
5. Semasa menggunakan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang BEPROGEL TOPICAL SOLUTION. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

**Simpan risalah ini bersama ubat.**  
Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION

BEPROGEL TOPICAL SOLUTION digunakan untuk merawat penyakit kulit yang menunjukkan ciri radang/inflamasi, misalnya *eczema*, *atopic dermatitis*, *dermatitis herpetiformis*, *contact dermatitis*, *dermatitis venenata*, *seborrhoeic dermatitis*, *neurodermatitis*, *psoriasis* dan *intertrigo*.

## Bagaimana BEPROGEL TOPICAL SOLUTION berfungsi

BEPROGEL TOPICAL SOLUTION mengandungi ubat yang dikenali sebagai betamethasone dipropionate. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil steroid. Ia mempunyai

tindakan antiinflamatori, anti kegatalan dan pengecutan salur darah.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION

### -Bila tidak boleh menggunakan

#### Jangan menggunakan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION sekiranya:

- Anda hipersensitif kepada kortikosteroids lain atau mana-mana bahan-bahan dalam ubat ini.
- Anda mempunyai jangkitan virus kulit, batuk kering (jangkitan bakteria) dan jerawat.

### -Sebelum mula menggunakan

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda menggunakan mana-mana produk kulit.

### Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

## Cara menggunakan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION

Sentiasa gunakan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda. Anda harus merujuk dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

### -Berapa banyak harus digunakan

Sapukan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION dengan berhati-hati di kawasan yang terjejas sekali hingga 2 kali sehari seperti yang diarahkan oleh doktor dan ahli farmasi anda.

Anda harus merujuk dengan doktor atau ahli farmasi jika simptom-simptom berterusan.

### -Bila perlu digunakan

Guna ubat pada kawasan yang terjejas selepas dibasuh dan dikeringkan.

### -Berapa lama perlu digunakan

Runding dengan doktor atau ahli farmasi anda mengenai tempoh rawatan yang diperlukan.

### -Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda terlupa menggunakan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION pada waktu yang ditetapkan, gunakan ubat ini sejurus selepas anda mengingatinya dan teruskan penggunaan seperti biasa.

### -Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Steroid boleh meresap melalui kulit anda. BEPROGEL TOPICAL SOLUTION yang meresap melalui kulit dengan kuantiti yang banyak boleh menghasilkan kesan sistemik seperti penekanan kelenjar adrenal, manifestasi daripada sindrom Cushing, peningkatan paras gula dalam darah dan kehadiran gula dalam air kencing.

Jika anda mengesyaki yang anda terlebih dos, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda. Bawa sebarang baki ubat bersama anda.

## Semasa menggunakan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION

### -Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil BEPROGEL TOPICAL SOLUTION.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku perengsaan atau tindak balas sensitiviti.

Langkah berwaspada yang sesuai perlu diambil semasa menggunakan rawatan yang berpanjangan, apabila merawat kawasan permukaan badan secara meluas, apabila menggunakan teknik oklusif dan apabila merawat kanak-kanak (disebabkan jumlah luas permukaan kepada berat badan yang besar).

## Kesan-sesan sampingan

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda menggunakan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. BEPROGEL TOPICAL SOLUTION boleh mendatangkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mendapatnya.

Tindak balas advers tempatan yang dilaporkan ialah rasa pedih, rasa gatal-gatal, kerengsaan, kekeringan, radang folikel rambut, pertumbuhan rambut yang tidak normal pada wanita, pertumbuhan jerawat, pengurangan pigmentasi, warna kulit menjadi lembut, jangkitan sekunder,

kulit menipis, tanda regangan dan ruam panas.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan BEPROGEL TOPICAL SOLUTION

### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

### -Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna

BEPROGEL TOPICAL SOLUTION adalah cecair sedikit likat yang tidak berwarna.

BEPROGEL TOPICAL SOLUTION boleh didapati dalam botol yang bersaiz 30ml.

### -Bahan-bahan kandungan

#### Bahan-bahan aktif:

Setiap botol mengandungi Betamethasone Dipropionate 0.064 % w/w (sama dengan 0.05 % w/w betamethasone).

*Bahan-bahan tidak aktif:*  
Methyl Paraben, Hydroxypropyl Methylcellulose, Isopropyl Alcohol, Air suling.

### -Nombor MAL

MAL19913399AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
MALAYSIA.

## Tarikh kemaskini RiMUP:

05/11/2015

## Nombor siri:

BPFK(R4/1)051115/00403